

17 AUG 2000

Lee-tanggapan

MALAYSIA TELAH MEMBUAT KEMAJUAN YANG MEMBANGGAKAN, KATA LEE

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura membuat lawatan kali pertama ke Malaysia selepas 10 tahun dan beliau kagum dengan apa yang dilihatnya.

Beliau tidak menaiki pesawat yang hanya mengambil masa 45 minit, tetapi beliau menaiki kereta melalui lebuh raya Utara-Selatan pada hari Isnin bagi membolehkan beliau melihat kemajuan negara ini dari segi pembangunan infrastruktur.

"Saya berpendapat Malaysia telah membuat kemajuan yang menggalakkan dari segi infrastruktur, ia amat baik berbanding kali terakhir saya ke sini pada tahun 1990.

"Saya berada di sini empat hari, melihat banyak perkara, menukar beberapa tanggapan. Saya berharap dapat tinggal lebih lama, menambahkan lagi pengetahuan saya, tidak mungkin melakukannya hanya dalam empat hari, tetapi ia lebih baik daripada tidak datang langsung," katanya sebelum menjawab soalan pada sidang berita di akhir lawatannya.

Beliau berkata Lebuh Raya Utara-Selatan yang berharga berbilion ringgit itu adalah suatu kredit dan bernilai ekonomi.

"Perjalanan menaiki kereta berjalan lancar, mengambil masa kurang dari tiga jam. Kuala Lumpur dan kompleks di sekitar (Menara Kembar Petronas) mengagumkan, termasuk hotel ini (Hotel Mandarin Oriental).

Beliau juga bercakap tentang Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan, tempat beliau bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dan juga tentang kediaman rasmi perdana menteri.

"Kediaman rasmi itu kira-kira satu batu dari sebuah tasik. Binaannya amat mengagumkan, mengingatkan saya tentang Islamabad (ibu negara Pakistan)". Saya boleh katakan dari segi fizikal pencapaian adalah membanggakan."

Beliau berkata dari segi politik, beliau meninggalkan Malaysia dengan sedikit "kebingungan" berbanding sebelum datang, merujuk kepada demonstrasi yang dilakukan oleh Kementerian Pertahanan semalam, yang mengesahkan bagaimana kumpulan Al-Ma'unah merompak senjata api dari dua kem tentera pada 2 Julai.

"Saya tidak faham mengapa ada persoalan berkaitan kenyataan kerajaan (berkaitan rompakan itu)," katanya.

Lee berkata beliau bertemu dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini dan bertanya kepada beliau tujuan demonstrasi, yang mana sebanyak 97 rifel M-16 dan 13,000 peluru dimuatkan ke dalam tiga kenderaan pacuan empat roda, Pajero.

Najib memberitahu beliau ia adalah bagi menyahut cabaran pembangkan yang menuduh kejadian rompakan itu sebagai "sandiwara" kerajaan, oleh itu mereka perlu memaparkan perkara yang sebenar.

"Saya agak bingung kerana tiada satu kerajaan di dunia pun akan merompak senjata api dengan kos dua nyawa pegawai kerajaan yang dibunuh dengan kejam. Bagaimana itu mungkin. Tiada satu kerajaan pun yang akan melakukannya, tetapi beliau memberitahu saya, beliau terpaksa membuktikannya. Saya bingung," kata Lee.

Menteri kanan itu juga berkata beliau berasa bingung selepas bertemu beberapa editor terkemuka Malaysia hari ini, berikutan tanggapan mereka berkaitan perkembangan politik di Malaysia.

"Saya bingung kerana mereka menyoal apa yang saya anggap sebagai fakta. Saya fikir masalahnya ialah terlalu banyak kesinisan. Saya tidak tahu, atau jika mereka mencerminkan yang sebenarnya, banyak kesinisan dan skeptis," katanya tanpa menyebutkan apa tanggapan tersebut yang sebenarnya.

"Seorang editor memberitahu saya rakyat tidak menerima sesuatu perkara secara bulat-bulat, suatu keadaan yang membingungkan kepada saya. Saya

bingung," katanya.

Bagaimanapun Lee berkata beliau meninggalkan Malaysia dengan perasaan "lebih optimis sebelum saya datang."

Beliau berkata beliau tidak tinggal cukup lama di Malaysia bagi memastikan apa yang diberitahu editor tersebut kepada beliau, sama ada ia berleluasa atau tidak.

"Kerana wartawan mempengaruhi sesama sendiri, tetapi mungkin juga mereka mempunyai hubungan dengan orang ramai, yang memberikan mereka maklumat tersebut," katanya.

Sekali lagi berkaitan demonstrasi rompakan senjata itu beliau berkata: "Saya bingung anda melakonkan semula kejadian itu, dan bagaimana anda menyusun rifel dan peluru ke dalam tiga Pajero, dan Datuk Najib memberitahu saya ia perlu dilakukan dalam masa empat minit."

" Ia tidak masuk akal, tetapi saya tidak tahu," katanya.

-- BERNAMA

AU AU RI